

NO. SOALAN: 425

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN N. SURENDRAN [PADANG SERAI]

RUJUKAN : 9460

SOALAN:

Tuan N. Surendran [Padang Serai] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kes-kes pergaduhan yang melibatkan kecederaan antara banduan di penjara-penjara seluruh Malaysia antara tahun 2010 hingga 2016.

JAWAPAN:

Untuk makluman, statistik Jabatan Penjara menunjukkan jumlah kes-kes pergaduhan termasuklah pergaduhan yang melibatkan kecederaan antara banduan di dalam penjara antara tahun 2010 hingga kini adalah sebanyak 376 kes.

Berdasarkan prosedur yang ditetapkan oleh Jabatan Penjara, semua kes-kes pergaduhan antara banduan ini telah disiasat dan diadili tanpa ada prejedis dan jika didapati melanggar peraturan maka banduan tersebut boleh diambil tindakan tatatertib sepertimana yang ditetapkan oleh Peraturan-peraturan Penjara 2000. Selain itu, laporan polis juga akan dibuat sekiranya pergaduhan antara banduan atau mana-mana pihak telah mengakibatkan kecederaan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN N. SURENDRAN [
PADANG SERAI]**

SOALAN :

YB Tuan N. Surendran [Padang Serai] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada memandangkan Kerajaan telah mengumumkan bahawa ianya sedang mengkaji pemansuhan hukuman mati mandatori untuk kesalahan di bawah Akta Dadah Berbahaya, maka adakah Kerajaan bercadang untuk mengumumkan moratorium ke atas perlaksanaan hukuman gantung keatas banduan-banduan yang sedang menghadapi hukuman tersebut.

SULIT

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan warganegara yang telah disabitkan hukuman mati mulai tahun 2011 hingga 2016 (setakat 30 September 2016) ialah seramai 372 orang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kerajaan pada masa ini melalui Jabatan Peguam Negara sedang menjalankan kajian bagi meneliti isu undang-undang, dasar dan keberkesanan pelaksanaan hukuman mati di negara ini. Kajian ini merangkumi keseluruhan peruntukan hukuman mati yang dikuatkuasakan di negara ini dan juga pelaksanaannya. Kajian ini dibuat dengan mengambil kira semua peruntukan undang-undang yang sedia ada di negara ini dan kajian perbandingan dengan peruntukan undang-undang daripada negara lain. Keputusan berhubung pelaksanaan hukuman mati di negara ini, sama ada akan dimansuhkan atau diteruskan, merupakan perkara dasar yang akan diputuskan oleh Kerajaan berdasarkan hasil kajian tersebut.

Sekian. Terima kasih.